



Headline: Rugi lebih RM7,000 ditipu skim pinjaman tidak wujud

Publication/Portal: Utusan Online

Date: 31 May 2019

Language: Malay

Section: -

Page: -

Rugi lebih RM7,000 ditipu skim pinjaman tidak wujud

KEPALA BATAS 31 Mei - Seorang kerani swasta dan seorang penganggur kerugian lebih RM7,000 selepas terperdaya dengan sindiket pinjaman tidak wujud dalam dua kes berasingan, semalam.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, mangsa yang berumur 32 dan 21 tahun itu telah melihat iklan dalam laman Facebook yang menawarkan pinjaman wang.

“Mereka juga menerima pesanan ringkas melalui telefon bimbit yang menawarkan pinjaman tersebut walaupun mangsa mempunyai masalah Sistem Rujukan Maklumat Kredit Berpusat (CCRIS) dan mengalami kesulitan untuk membuat pinjaman dengan pihak bank.

“Akibat percayakan pinjaman yang menawarkan proses pinjaman secara pantas dan tidak perlu bersemuka membuatkan kedua-dua mangsa berminat,” katanya di sini hari ini.

Menurut beliau mangsa diminta membuat beberapa bayaran yang kononnya adalah untuk pemprosesan, bayaran peguam dan lain-lain.

”Mangsa yang percaya telah membuat beberapa bayaran berperingkat kepada suspek dengan harapan akan menerima wang yang mahu dipinjam selepas membayar kos-kos tersebut.

“Mangsa tidak pernah berjumpa dengan individu pemberi pinjaman dan modus operandi sindiket ini hanya berlaku melalui panggilan telefon dan aplikasi WhatsApp bagi mengelak identiti suspek dikenalpasti,” katanya.

Noorzainy berkata, mangsa kemudiannya sedar ditipu apabila gagal menerima sebarang wang pinjaman dan kemudiannya melaporkan kejadian itu kepada pihak polis.

“Kes berkenaan kini dalam siasatan dibawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu,” katanya. - UTUSAN ONLINE